

PENSYARIATAN ISLAM MENGENAI PENYUSUAN MENERUSI AYAT 233 SURAH AL-BAQARAH

Norita Kamaruddin

Penyarah, Fakulti Syariah dan Undang-undang,
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

E-mel: norita@kuis.edu.my

Safinah Ismail

Pensyarah, Fakulti Pengajian Peradaban Islam,
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

E-mel: safinah@kuis.edu.my

Abstrak

Penyusuan susu ibu merupakan amalan semulajadi oleh seorang wanita yang telah melahirkan bayi. Hal ini kerana susu ibu adalah makanan yang pertama bagi bayi. Kepentingan dan keistimewaan susu ibu banyak dirakam di dalam al-Quran dan al-Hadith. Islam telah meletakkan garis panduan yang jelas kepada umatnya malah sangat tersusun dan teratur bagi mencapai objektif syariat dan kejadian manusia. Artikel ini bertujuan membincangkan berkaitan dengan pensyariatan Islam terhadap penyusuan susu ibu serta perintah-perintah yang terdapat dalam ayat 233 surah al-Baqarah di samping menyentuh juga perselisihan ulama terhadap beberapa aspek yang berkaitan dengan penyusuan. Metodologi kajian yang digunakan ialah analisis kandungan yang berfokus kepada buku-buku fiqah dan tafsir al-Quran. Dapatkan menunjukkan bahawa menerusi ayat 233 surah al-Baqarah menjelaskan bahawa kewajiban bagi seorang ibu untuk menyusui anaknya sendiri dan tidak mengabaikan hak anak untuk menyusu bila ibu tersebut memang dapat melakukan kewajibannya. Selain itu, penyusuan bayi boleh dilakukan kurang dua tahun dengan syarat mestilah dengan persetujuan suami dan isteri. Seorang suami wajib menyediakan nafkah kepada isteri yang sedang menyusui anaknya meskipun telah bercerai. Justeru, umat Islam perlulah mematuhi segala hukum hakam yang berkaitan dengan penyusuan seperti yang termaktub di dalam al-Quran agar tiada kekeliruan yang timbul.

Kata Kunci : Pensyariatan, Penyusuan, al-Baqarah

1. Pendahuluan

Penyusuan merupakan salah satu aspek yang sangat penting bagi bayi yang baru dilahirkan kerana susu ibu adalah makanan utama. Susu ibu terbukti mengandungi banyak khasiat yang dapat menjamin tumbesaran bayi dengan baik dan sempurna dari segi fizikal dan mental. Kepentingan penyusuan ada disebut dalam al-Quran dan Hadis Rasulullah SAW yang menggalakkkan peryusuan sejak kelahiran sehingga anak berusia dua tahun. Penyusuan susu ibu ada dibincangkan di dalam bab kekeluargaan Islam iaitu *bab al-rada'ah*. Di dalam al-Quran ada disebut secara khusus ayat-ayat yang berkaitan dengan penyusuan. Ini menunjukkan bahawa penyusuan susu ibu mempunyai kedudukan yang istimewa sehingga terakam di dalam al-Quran. Justeru ibu dan bapa perlulah mengetahui hukum hakam penyusuan yang ada dalam al-Quran dan Hadis agar penyusuan dapat dijalankan dengan baik.

2. Perbincangan

2.1 Pengertian Penyusuan

Pengertian penyususan susu ibu boleh dibahagikan kepada dua, iaitu pengertian menurut bahasa dan menurut istilah syarak. Menurut bahasa, penyusuan berasal daripada perkataan *radi'a* iaitu menyusukan anak oleh ibunya. Ia juga membawa makna *daraba* yang membawa makna pukul. Perempuan yang menyusukan anak digelar *al-murdi'ah*, manakala anak yang disusui pula digelar *al-radi'i*. Menururt istilah syarak, terdapat beberapa pandangan mazhab tertentu berkenaan beberapa maksud dan takrif penyusuan (Ibn Manzur, 2003).

Mazhab Hanafi mentakrifkan penyusuan sebagai meminum susu perempuan pada waktu tertentu. Maliki pula berpendapat penyusuan ialah memasukkan susu perempuan sama ada sesudah mati atau perempuan kecil melalui putting, alat bantuan makanan atau susu yang bercampuran dengan syarat hendaklah susu melebihi dari benda lain dengan makanan lain tidak melebihi tempoh dua tahun (al-Ghunaymi, 1993).

Mazhab Syafii yang menjadi pegangan kebanyakan umat Islam di Malaysia menyatakan penyusuan ialah sesuatu perkara yang digunakan untuk memasukkan susu perempuan ke dalam hidangan kanak-kanak yang memberi kesan kepada pembesaran. Mazhab Hanbali berpendapat penyusuan ialah memasukkan susu secara semula jadi atau alat bantuan minuman kepada sesiapa yang umurnya tidak melebihi dua tahun. (al-Sharbini, t.th). Berdasarkan maksud dan takrif yang di atas, dapat dirumuskan bahawa pengertian penyusuan susu ibu ialah memasukkan susu perempuan ke dalam rongga kanak-kanak yang tidak melebihi usia dua tahun.

2.2 Hukum Penyusuan Di Kalangan Fukahak

Para ulama telah bersepakat menyatakan bahawa menyusukan anak itu merupakan kewajipan dan perintah Allah SWT bagi memastikan kesempurnaan kehidupan anak (Wahbah Zuhayli, 1995). Perintah ini dapat dilihat melalui surah al-Baqarah ayat 233 yang jelas mewajibkan seseorang ibu menyusukan anaknya. Hal ini sangat penting bagi memastikan keberlangsungan kehidupan anak tersebut kerana air susu merupakan makanan utama bagi bayi yang baru dilahirkan ke dunia.

Sekiranya ibu itu tidak bersedia untuk menyusukan anaknya tanpa alasan yang munasabah atau tidak mempunyai halangan tetapi tetap tidak mahu menyusukan anaknya, ibu tersebut dikira berdosa kerana melanggar perintah Allah SWT dan melawan fitrah kejadiaannya. Ulama fiqh juga telah bersepakat wujudnya antara hak dan kewajipan ibu dalam menyusukan anaknya. Perkara ini berkaitan dengan upah, penceraian, martabat dan kesihatan. Dalam konteks ini mereka berbeza pendapat.

Pendapat pertama dari Imam Malik yang menyatakan wajib seseorang ibu menyusukan anaknya tanpa satu alasan untuk menolaknya selama mana ia masih bergelar isteri. Kecuali jika ibu tersebut tergolong dalam wanita yang mempunyai martabat tinggi, menurut adat dan tradisi tidak boleh menyusukan anaknya. Dalam situasi ini boleh diupah wanita lain untuk menggantikan tugasnya. Pengecualiaan ini akan gugur apabila wujudnya masalah seperti apabila seseorang bayi itu menolak susu wanita lain kecuali susu ibunya, maka pengecualian ini terbatal secara sendiri.

Selain daripada itu, ibu dan bapa yang tidak berkemampuan untuk membayar upah wanita lain yang mahu menyusukan anaknya, maka ibu harus menyusukan anaknya. Tetapi sekiranya ibu bapa bayi tersebut tidak bersedia untuk membayar upah, maka pengecualian ini

juga terbatal. Bagi ibu yang telah ditalak sama ada talak raj'i atau talak bain, tidak terkecuali dari perintah ini. Ini kerana hubungan yang kuat antara ibu dan anak. Bekas suami tidak boleh menafikan hak penyusuan anaknya. Ini bertepatan dengan firman Allah SWT :

لَا تُضَارِّ وَالَّذِي بِوْلِدِهَا وَلَا مَوْلُودُ لَهُ بِوْلِدِهِ

Maksudnya : Janganlah menjadikan seseorang ibu itu menderita kerana anaknya.

(Surah al-Baqarah 2 : 233)

Pendapat kedua dari Imam Abu Hanifah, Imam Syafie dan Imam Hanbali. Mereka bersepakat bahawa hukum seseorang ibu itu tidak wajib malah sunat menyusukan. Seorang ibu tidak boleh dipaksa untuk menyusukan anaknya mengikut ketentuan hukum kecuali dalam keadaan darurat dan tiada pilihan. Isteri yang telah diceraikan juga tidak boleh dipaksa untuk menyusukan anaknya dan bapa wajib memberikan nafkah kepada bekas isteri dan anaknya. Sekiranya bekas isterinya menuntut upah kerana menyusukan anaknya, wajib ke atas bapa untuk membayar upah tersebut. Begitu juga sekiranya bekas isteri enggan menyusukan anaknya, suami boleh mencari ibu susuan untuk anaknya. (Wahbah Zuhayli, 1995)

2.3 Penyusuan Menerusi Ayat 233 Surah Al-Baqarah

Allah SWT telah mensyariatkan para ibu agar menyusukan bayinya. Banyak nas-nas di dalam al-Quran dan Hadis yang menyebut tentang penyusuan. Al-Qur'an secara idealnya menyebut bahawa penyusuan sempurna dilakukan selama dua tahun. Ayat yang termaktub mengenai penyusuan menerusi ayat 233 Surah al-Baqarah iaitu :

وَالْوَالِدَاتُ يُرِضِّعْنَ أُولَادَهُنَّ حَوْلَيْنِ كَامِلَيْنِ لِمَنْ أَرَادَ أَنْ يُتَمَّ الرَّضَاعَةَ وَعَلَى الْمَوْلُودِ لَهُ رِزْقُهُنَّ
وَكِسْوَتُهُنَّ بِالْمَعْرُوفِ لَا تُكَلِّفُ نَفْسٌ إِلَّا وُسْعَهَا لَا تُضَارِّ وَالَّذِي بِوْلِدِهَا وَلَا مَوْلُودُ لَهُ بِوْلِدِهِ وَعَلَى
الْوَارِثِ مِثْلُ ذَلِكَ فَإِنْ أَرَادَا فِصَالًا عَنْ تَرَاضٍ مِنْهُمَا وَتَشَاؤِرٍ فَلَا جُنَاحَ عَلَيْهِمَا وَإِنْ أَرَدْتُمْ أَنْ
تَسْتَرْضِعُوا أُولَادَكُمْ فَلَا جُنَاحَ عَلَيْكُمْ إِذَا سَلَّمْتُمْ مَا آتَيْتُمْ بِالْمَعْرُوفِ وَاتَّقُوا اللَّهَ وَأَعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ بِمَا
تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ .

Maksudnya:

"Dan ibu-ibu hendaklah menyusukan anak-anak mereka selama dua tahun genap iaitu bagi orang yang hendak menyempurnakan penyusuan itu; dan kewajipan bapa pula ialah memberi makan dan pakaian kepada ibu itu menurut cara yang sepatutnya. Tidaklah diberatkan seseorang melainkan menurut kemampuannya. Janganlah menjadikan seseorang ibu itu menderita kerana anaknya, dan (jangan juga menjadikan) seseorang bapa itu menderita kerana anaknya; dan waris juga menanggung kewajipan yang tersebut (jika si bapa tiada). Kemudian jika keduanya (suami isteri mahu menghentikan penyusuan itu dengan persetujuan (yang telah dicapai oleh) mereka sesudah berunding, maka mereka berdua tidaklah salah (melakukannya). Dan jika kamu hendak beri anak-anak kamu menyusu kepada orang lain, maka tidak ada salahnya bagi kamu apabila kamu serahkan (upah) yang kamu mahu beri itu dengan cara yang patut. Dan bertaqwalah kamu kepada Allah, serta ketahuilah, sesungguhnya Allah sentiasa melihat akan apa juar yang kamu lakukan."

(Surah al-Baqarah 2 : 233).

Ayat ini turun sebagai petunjuk di atas beberapa peristiwa yang dianggap meremehkan kedudukan bayi pada zaman jahiliyyah. Sehingga diberi penegasan supaya memberikan kasih sayang kepada bayi menerusi penyusuan (Muhammad Asad, 1980). Setiap ibu walaupun bergelar janda wajib menyusui anaknya sehingga anak itu mencapai usia dua tahun. Penyempurnaan susuan selama dua tahun dalam surat al-Baqarah ayat 233, beberapa ulama memberikan penafsiran seperti berikut :

1. Kata “*haulaini kamilaini*” oleh Abi Thohir bin Ya’qub (1995) diertikan sebagai dua tahun yang benar-benar sempurna. Dalam tempoh dua tahun tersebut tanggungjawab penyusuan perlulah dipenuhi oleh ibu dan bapa agar hak anak dapat dipenuhi dengan baik.
2. Kedudukan ayat “*haulaini kamilaini*” menurut Abi Fadl Shihabuddin (2001) adalah sebagai *tarkib*, di mana *haulaini* sebagai *maushuf* dan *kamilaini* sebagai *sifat*-nya. Hal ini menunjukkan bahawa kasih sayang yang terjalin sewaktu berlakunya penyusuan di antara ibu dan anak dianggap sebagai perkara yang sangat penting.
3. Prof. Dr. Hamka (1984) dalam tafsir Al-Azhar berpendapat bahawa ayat ini ada kaitan dengan ilmu perubatan moden yang mengaitkan bahawa air susu ibu lebih berkhasiat daripada susu yang lain. Disebut juga tempoh penyusuan yang baik disempurnakan adalah dua tahun.
4. Allah mewajibkan kepada ibu untuk menyusui bayinya, dengan membuktikan bahawa air susu ibu mempunyai pengaruh yang besar kepada si anak. Di samping ibu dengan fitrah kejadiannya memiliki rasa kasih sayang yang mendalam sehingga penyusuan langsung dari ibu ini, berhubungan erat dengan perkembangan jiwa dan mental anak. Walaubagaimanapun terdapat juga sebahagian ibu yang tidak mahu menyusui anaknya kerana mempunyai kepentingan peribadi seperti ingin memelihara kecantikan. Ini bertentangan dengan fitrahnya sendiri dan secara tidak langsung tidak membina dasar hubungan keibuan dengan anaknya sendiri. (Departemen Agama RI,1990)
5. Muhammad Nasib Ar-Rifa’i (1999) dalam tafsir Ibnu Kathir berpendapat bahwa anjuran Allah SWT di dalam surah Al-Baqarah ayat 233 merupakan bimbingan bagi para ibu untuk menyusui anak-anaknya secara sempurna, iaitu selama dua tahun. Setelah itu tiada lagi penyusuan. Oleh kerana itu, Allah SWT berfirman, “Bagi orang yang hendak menyempurnakan penyusuan”. Majoriti para ulama mengatakan bahawa tidak dilarang penyusuan kecuali yang kurang dari dua tahun. Penyusuan bayi yang berusia lebih dari dua tahun tidak dilarang.

Oleh itu betapa pentingnya perhatian seorang ibu terhadap anaknya dalam penyusuan secara langsung. Allah SWT telah mewajibkan seorang ibu untuk menyusui anaknya selama dua tahun kerana diketahui bahawa tempoh tersebut adalah waktu yang sangat diperlukan oleh bayi untuk merasai sentuhan kasih sayang murni dari seorang ibu. Dalam pembahasan tentang “penyusuan tidak diharamkan kecuali menyusui bayi kurang dari dua tahun”, Daripada Ummu Salamah katanya, bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud :

Tidak diharamkan daripada penyusuan melainkan penyusuan yang menguatkan usus melalui puting susu dan ia berlaku sebelum bayi bercerai susu (pada kebiasaannya) (al-Tirmidhi, kitab *al-rada'ah*, bab penyusuan dewasa).

(Hadis Riwayat Tirmidhi).

Beberapa ahli tafsir yang telah disebutkan di atas, jelas menunjukkan bahawa pemberian susu ibu kepada bayi selama dua tahun sangat mempengaruhi perkembangan diri anak. Hal ini menunjukkan bahawa air susu ibu adalah sebahagian penting dari proses pembentukan keperibadian anak. Tindakan atau perlakuan sebahagian ibu yang menggantikan susu ibu dengan susu lain tanpa ada sebab-sebab yang jelas, hanya akan merugikan anak. Anak akan kehilangan makanan dan minuman yang menentukan pertumbuhan fizikalnya. Bahkan akan kehilangan sentuhan kasih sayang antara ibu dan anak.

Ayat 233 dalam surat al-Baqarah memberi pengertian berkaitan dengan perkara-perkara mengenai penyusuan. Antara perkara-perkara yang boleh dirumuskan di dalam ayat ini ialah membincangkan tentang :

1. Kewajiban bagi seorang ibu untuk menyusui anaknya sendiri dan tidak mengabaikan hak anak untuk menyusu bila ibu tersebut memang dapat melakukan kewajibannya.
2. Tempoh penyususan anak secara sempurna adalah dua tahun penuh.
3. Penyusuan tersebut boleh dihentikan sebelum dua tahun dengan syarat keputusan mestilah dipersetujui antara suami isteri setelah keduanya membincangkan secara terperinci kebaikan dan keburukan.
4. Bapa bayi berperanan untuk menyediakan keperluan yang secukupnya agar proses penyusuan berjalan lancar. Hal ini menunjukkan bahawa Islam menganggap menyusui anak sebagai kewajiban utama bagi ibu sehingga ia tidak boleh dibebani pekerjaan yang menganggu proses penyusuan tersebut.
5. Apabila bapa bayi tersebut sedang bermusafir atau meninggal dunia, salah seorang anggota keluarganya harus mengambil alih kewajiban memelihara bayi tadi dengan menyediakan keperluan bayi dan ibunya supaya penyusuan dapat berjalan dengan baik.
6. Seorang ibu yang dapat menyusui anaknya dilarang mengalihkan kewajiban itu kepada orang lain. Islam mewajibkan bapa bayi menanggung nafkah isteri yang telah diceraikan ketika masih menyusui anaknya. Hal ini bertujuan untuk menjamin bayi tersebut tetap memperolehi hak susuan sebagaimana yang diperlukan.

Sebagai penegasan tentang kalimat *fishal*, Muhammad Asad (1990) menjelaskan bahawa banyak para *mufassir* yang mendefinisikan *fishal* dengan “penceraihan” atau “pemisahan”. Walaubagaimanapun proses pemisahan susu itu tidak akan berlaku sekiranya tidak mendapat persetujuan antara ibu dan bapanya (Muhammad Asad, 1990). Dari beberapa tafsiran surat al-Baqarah ayat 233 ini dapat disimpulkan bahawa:

1. Peranan bapa sebagai seorang yang bertanggungjawab sepanjang proses penyusuan berlangsung.
2. Ibu perlu memberikan kasih sayang yang sepenuhnya terhadap bayinya melalui penyusuan dalam tempoh dua tahun secara sempurna.
3. Tidak boleh memisahkan keberlangsungan penyusuan sebelum tempoh dua tahun, kecuali dengan persetujuan antara bapa dan ibu.

2.4 Pemberian Susu Ibu Menurut Al-Qur'an Surah Al-Baqarah Ayat 233

Penyusuan yang dilakukan secara sempurna oleh ibu akan memberi kesan terhadap kesihatan anaknya. Bayi yang mendapat hak menyusu daripada ibunya mendapat curahan kasih sayang yang sepenuhnya sepanjang proses penyusuan berlangsung.. Hal ini relevan dengan firman Allah SWT di dalam al-Quran surat al-Baqarah ayat 233 tersebut di atas.

Perkataan “*al-walidaat*” dalam penggunaan al-Quran berbeza dengan perkataan “*ummahat*” yang merupakan bentuk jamak dari kata *um*. Kata “*ummahat*” biasanya digunakan untuk menunjukkan ibu kandung. Manakala perkataan “*al-walidaat*” menunjukkan sama ada ibu kandung atau bukan. Hal ini menunjukkan bahawa al-Quran telah menggariskan bahawa air susu ibu, sama ada ibu kandung atau bukan, adalah makanan terbaik buat bayi hingga usia dua tahun. Namun, air susu ibu kandung adalah lebih baik daripada selainnya kerana ibu kandung adalah lebih dekat dengan bayi tersebut.

Penyusuan selama dua tahun, walaupun diperintahkan, tetapi bukanlah kewajiban. Hal ini berdasarkan ayat yang bermaksud “*bagi yang ingin menyumpurnakan penyusuan*”. Namun demikian, jika ibu dan bapa bersepakat untuk mengurangi tempoh penyusuan kurang dua tahun ia dibenarkan. Ibu yang menyusukan memerlukan segala kemudahan dan peralatan yang berkaitan untuk memastikan penyusuan berjalan dengan lancar. Berdasarkan ayat 233 tersebut, bapa wajib memberikan nafkah kepada ibu yang menyusukan anaknya walaupun telah diceraikan secara *bain*. Ibu kepada bayi yang masih berstatus isteri walaupun telah ditalak *raj'i*, menjadi kewajiban ke atas suami untuk memberi makanan dan pakaian atas dasar hubungan suami isteri. Sekiranya isteri menuntut upah menyusukan anak, suami wajib memenuhinya selama tuntutan upah itu dinilai wajar. (M. Quraish Shihab, 2000)

Mengapa menjadi kewajiban bapa ? Kerana anak itu dinisbahkan kepada nama bapa, seolah-olah anak itu dilahirkan untuknya. Kewajiban memberi makan dan pakaian itu hendaknya dilaksanakan dengan cara yang *makruf*, iaitu yang dijelaskan maknanya dengan ayat yang berikut iaitu, seseorang tidak dibebani melainkan menurut kadar kesanggupannya. Anak yang dilahirkan dan disusui dengan sempurna dapat menjamin perkembangan tumbesaran yang baik. Jaminan tersebut harus tetap diperolehnya walaupun bapanya telah meninggal dunia, kerana warisnya berkewajiban memenuhi keperluan ibu dan anak, agar penyusuan dan pemeliharaan anak itu dapat dilaksanakan dengan baik. Warisan yang menjadi hak anak dari bapanya yang meninggal, digunakan untuk pembentukan sepanjang proses penyusuan berlangsung serta makan dan minum ibu yang menyusunya. Ada juga yang berpendapat, bahawa yang dimaksudkan dengan ahli waris ialah ibu yang menyusui itu.

Ibu dan bapa yang telah bersepakat ingin menceraikan anaknya daripada disusui oleh ibunya sebelum tempoh dua tahun atas kerelaan kedua pihak, hukumnya tidak berdosa. Terdapat beberapa tahap penyusuan iaitu :

Pertama : Tahap sempurna, iaitu dua tahun atau tiga puluh bulan kurang masa kandungan.

Kedua : Tahap masa cukup, iaitu yang kurang dari masa tahap sempurna.

Ketiga : Tahap masa yang tidak cukup iaitu ibu enggan menyusui anaknya. Hukumnya adalah haram.

Oleh itu, tahap tidak mencapai masa cukup, dengan alasan yang dibenarkan, contohnya ibu yang menyusui anak itu sakit atau ibu meminta bayaran yang tidak sewajarnya daripada suaminya. Dalam situasi ini, harus bapa mencari seseorang yang dapat menyusui anaknya. Selaras dengan ayat yang disebutkan sebelum ini, iaitu “*jika kamu, wahai para*

ayah, ingin anak kamu disusukan oleh wanita lain, dan ibunya tidak bersedia menyusuinya, maka tidak ada dosa bagi kamu apabila kamu memberikan kepada wanita lain itu berupa upah atau hadiah menurut yang patut”.

Menurut Dr. Abdul Hakim Al-Sayyid Abdullah (1993) di dalam ayat 233 surah al-Baqarah menunjukkan perintah yang wajib dilaksanakan oleh sebagian ibu, namun sunah bagi sebagian ibu yang lain. Hal ini bermaksud sekiranya tidak terdapat apa-apa halangan untuk ibu menyusui anaknya, maka hukumnya adalah wajib. Namun, sekiranya ibu yang menyusui anaknya mengakibatkan mudharat pada anak dan ibu yang menyusui hukumnya adalah sunat. Contohnya air susu ibu kering, ibu yang menyusui anak itu sakit atau alasan lain yang relevan untuk tidak menyusui anaknya. Ini disebabkan untuk menjaga kesihatan bayi agar tidak terjangkit dengan penyakit yang membahayakan anak. Tempoh penyusuan selama dua tahun sebenarnya telah memenuhi standard gizi yang mencukupi untuk bayi, tidak boleh lebih atau kurang kerana susu ibu merupakan hak bayi yang harus dipenuhi oleh ibu bapanya (Quraish Shihab, 2001).

Oleh itu, dalam sesebuah institusi keluarga perhatian seorang ibu terhadap anaknya perlu dijaga dengan baik selari dengan perintah Allah SWT untuk menyusui anak selama dua tahun kerana dalam tempoh itu anak tersebut memerlukan kasih sayang daripada seorang ibu. Sekiranya ibu bapa anak tersebut ingin menghentikan penyusuan sebelum genap dua tahun, tindakan tersebut perlu dipertimbangkan secara matang dan bukan semata-mata untuk kepentingan sendiri supaya tidak menjelaskan pertumbuhan dan perkembangan anak baik dari segi fizikal atau mental di kemudian hari.

2.5 *Tempoh Penyusuan*

Tempoh penyusuan lazimnya adalah dua tahun penuh. Berdasarkan firman Allah SWT :

وَالْوَالِدَاتُ يُرْضِعْنَ أُولَادَهُنَّ حَوْلَيْنِ كَامِلَيْنِ لِمَنْ أَرَادَ أَنْ يُتَمَّ الرَّضَاعَةُ

Maksudnya : “Dan ibu-ibu hendaklah menyusukan anak-anak mereka selama dua tahun genap iaitu bagi orang yang hendak menyempurnakan penyusuan itu..”

(Surah al-Baqarah 2 : 233)

Menurut pendapat Syafii sekiranya seorang bayi yang menyusu dengan wanita lain yang bukan ibunya dan usia bayi tidak melebihi dua tahun selepas kelahirannya, bayi tersebut boleh disabitkan dengan hukum penyusuan. Perkara ini juga jelas sebagaimana yang terdapat di dalam hadis Rasulullah SAW yang bermaksud :

“Tidak boleh disabitkan hukum penyusuan sekiranya bayi tersebut menyusu melebihi usia dua tahun.”

(Hadis Bukhari & Muslim)

Menurut mazhab Hanafi (Abi Hassan Ali, 1996), usia bayi yang boleh disabitkan dengan hukum penyusuan ialah selama dua tahun setengah (30 bulan) selepas kelahirannya manakala Zufri menyatakan tempohnya adalah tiga tahun. Ini bermakna pendapat Hanafi melebihkan tempoh tersebut selama enam bulan berbanding pendapat Syafii yang mengehadkan selama dua tahun sahaja. Ini kerana mengikut pendapat Hanafi tempoh tersebut diperlukan oleh bayi untuk membiasakan diri dengan makanan lain. Imam Malik pula

berpendapat bahawa apa yang lebih dekat dengan masa penceraian susu bagi yang mengetahui haknya (Wahbah al-Zuhayli, 1991). Hal ini berdasarkan firman Allah SWT :

وَحَمْلُهُ وَفِصَالُهُ ثَلَاثُونَ شَهْرًا

Maksudnya : “ Mengandungnya sampai menceraikannya selama tiga puluh bulan.”
(Al-Ahqaf 46 : 15)

Menurut pendapat Hanafi disebut juga tempoh dua tahun penyusuan sebagaimana yang disebut oleh Imam Syafii berdasarkan ayat 233 surah al-Baqarah merupakan tempoh yang membolehkan ibu yang diceraikan untuk meminta upah penyusuan.

Tafsir Ibnu Kathir (2008) menyebut jika seorang wanita melahirkan anak pada usia kehamilan 9 bulan, cukup baginya menyusui anaknya selama 21 bulan dan jika ia melahirkan ketika usia kehamilan 7 bulan, cukup baginya menyusui anaknya selama 23 bulan. Dan jika ia melahirkan ketika usia kehamilan 6 bulan cukup baginya menyusui selama 2 tahun penuh iaitu 24 bulan. Justeru, al-Quran jelas menyatakan secara terperinci berkaitan tempoh penyusuan bagi seorang bayi.

2.6 Tempoh Menceraikan Susu

Tempoh menceraikan susu bermaksud tempoh antara hak ibu membuat keputusan berhenti memberi susu badan sehingga dia berjaya mencapainya. (Elisabet Helsing dll, 1999). Dalam agama Islam, tempoh itu tidaklah ditetapkan sebagaimana yang lazim diketahui selama dua tahun mutlak. Ini dapat diperhatikan melalui firman Allah SWT :

فَإِنْ أَرَادَا فِصَالًا عَنْ تَرَاضٍ مِّنْهُمَا وَتَشَاءُرٍ فَلَا جُنَاحَ عَلَيْهِمَا

Maksudnya : ” Kemudian jika keduanya (suami isteri mahu menghentikan penyusuan itu dengan persetujuan (yang telah dicapai oleh) mereka sesudah berunding, maka mereka berdua tidaklah salah (melakukannya)”.

(Surah al-Baqarah 2 : 233)

Ayat ini menunjukkan bahawa menceraikan susu sebelum tempoh dua tahun tidak haram. Tetapi dengan syarat bahawa keputusan tersebut mendapat persetujuan di antara suami dan isteri setelah memikirkan kebaikan dan keburukan keputusan yang telah disepakati.

Ibnu Kathir (2008) berpendapat bahawa, jika keputusan menceraikan anak dari susuan sebelum dua tahun itu merupakan hasil persetujuan kedua pihak serta keputusan itu dibuat untuk kepentingan anaknya, ia diharuskan. Namun, jika kedua pihak tidak ada kesepakatan untuk menceraikan susu anaknya sebelum dua tahun, ia tidak diharuskan. Memberi hak susuan kepada anak sehingga tempoh dua tahun merupakan kewajipan kepada ibu. Pendapat ini juga disokong oleh Imam al-Thauri (Ibnu Kathir, 2008). Pakar kesihatan dan pemakanan bayi bersetuju bahawa ketika bayi berusia dua tahun dicadangkan supaya anak tersebut diceraikan dari susu ibunya. Ini bertujuan untuk meningkatkan perkembangan emosi dan mental ke arah berdikari. (Elisabet Helsing dll, 1999)

3. Kesimpulan

Para ibu hendaklah menyusukan anak mereka selama dua tahun bagi mereka yang berkemampuan dan menginginkannya. Walau bagaimanapun, sekiranya mereka ingin mengupah orang lain untuk menyusukan anak mereka kerana sebab-sebab tertentu, tidak menjadi kesalahan. Amalan tersebut dibenarkan dalam Islam. Menerusi ayat 233 surah al-Baqarah menjelaskan terdapat beberapa elemen yang sangat penting untuk difahami oleh ibu yang menyusukan bayi tidak terkecuali juga bapa. Kefahaman yang jelas tentang hukum yang berkaitan dengan penyusuan sangat penting supaya penyusuan dapat dilaksanakan berlandaskan hukum syarak. Seorang ibu berkewajiban untuk menyusui anaknya sendiri dan tidak mengabaikan hak anak untuk menyusu apabila ibu tersebut memang dapat melakukan kewajibannya. Selain itu, penyusuan bayi boleh dilakukan kurang dua tahun dengan syarat mestilah dengan persetujuan suami dan isteri. Seterusnya, seorang suami wajib menyediakan nafkah kepada isteri yang sedang menyusui anaknya walaupun telah bercerai. Justeru, umat Islam perlulah mematuhi segala hukum hakam yang berkaitan dengan penyusuan seperti yang termaktub di dalam al-Quran agar tiada kekeliruan yang timbul.

Rujukan

Al-Quran al-Karim

- Abdullah Bin Mohd Basmeih. 1995. *Tafsir al-Rahman Kepada Pengertian al-Quran*. Cet 6. Kuala Lumpur : Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri
- Abi Fadl Shihabuddin. 2001. *Ruhul Ma'ani fi Tafsiri Al-Qur'an Al-Adzim*, Jil I, Beirut: Darul Fikr.
- Abi Thohir bin Ya'qub. 1995 *Tanwirul Miqbas min Tafsir Ibnu Abbas*. Beirut: Darul Fikr.
- Abdul Hakim Al-Sayyid Abdullah. 1993. *Keutamaan Air Susu Ibu*, Jakarta : Fikahati Aneska.
- Abdullah bin Muhammad. 2008. *Tafsir Ibn Kathir*. Jilid 8. Jakarta : Pustaka Imam Asy-Syafi'i.
- al-Ghunaymi, 1993, *al-Lubab fi sharh al-Kitab*, Lubnan: Maktabah al- 'Ilmiyyah.
- Departmen Agama RI. 1990. *Al-Qur'aan dan Tafsirnya*. jilid 1.
- Elisabet Helsing dan F.Savage King. 1999. *Panduan Susu Ibu*. Shah Alam : Fajar Bakti
- Hamka. 1984. *Tafsir Al-Azhar* juz II. Jakarta : Pustaka Panjimas.
- Imam al-Hafiz Imanudin dan Abu al-Fida' Ismail Kathir al-Qarshi al-Damsyiki. 1994. *Tafsir al-Quran al- Azim*. Juz 1. Kaherah : Darul Hadith.
- Muhammad Asad. 1980. *The Message of The Qur'an*, Gibraltar : Dar Andalus.
- Muhammad ibn Ahmad Asy-Syarbini al-Khatib. t.th. *Mugni al-Muhtaj Ila Ma'rifah Ma'ani Alfaz al-Minhaj*. Beirut : Darul Kutub.
- Muhammad Nasib.1999. *Ringkasan Ibnu Katsir*. Jakarta : Gema Insani.
- Muhammad ibn Mukram Ibn Manzur. 2003. *Lisan al-'Arab*. Kaherah: Dar al-Hadith.
- Quraish Shihab. 2001. *Wawasan Al-Qur'an*. Bandung: Al-Mizan.
- Wahbah al-Zuhayli. 1991. *Tafsir al-Munir fi Akidah Wa Syariah*. Juz 1. Beirut : Dar Fikr
- Wahbah al-Zuhayli. *al-Fiqh al-Islami wa Adillahtuh*. 1995. Juz 10, Beirut : Dar Fikr.